

PELUANG KEDUA DIBERIKAN HASIL KE ATAS TAKSIRAN CUKAI YANG TERSILAP LAPOR

Sebulan telah berlalu bagi program Jom Klik HASiL yang dilaksanakan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL). Tahniah kepada mereka yang telah melaksanakan tanggungjawab sebagai pembayar cukai dengan melaporkan pendapatan bagi Tahun Taksiran 2021 menerusi e-Filing di mana program ini telah bermula pada 1 Mac 2022.

Bagaimana pula dengan anda yang masih belum berpeluang untuk membuat e-Filing pada tahun ini? Sudahkah anda melengkapkan dan menyediakan dokumen yang secukupnya bagi tujuan tersebut terutamanya yang melibatkan pelepasan-pelepasan cukai yang boleh dituntut bagi perbelanjaan yang telah dibuat pada tahun 2021? Pastikan semuanya berada di dalam keadaan yang tersusun dan mudah dirujuk bagi memudahkan urusan percukaian anda.

HASiL sentiasa mengingatkan pembayar cukai untuk menyediakan rekod percukaian dengan baik sama ada bagi pendapatan yang diterima mahupun perbelanjaan yang telah dilakukan pada setiap tahun taksiran dibuat. Tujuannya adalah untuk memudahkan pembayar cukai membuat rujukan ketika melaporkan setiap jenis pendapatan yang diterima bagi tahun taksiran tertentu selain daripada menuntut perbelanjaan yang boleh ditolak sebagai pelepasan cukai. Ini bagi mengurangkan risiko berlakunya kesilapan yang tidak disengajakan dalam taksiran cukai yang telah dihantar kepada HASiL.

Bolehkah pindaan dibuat ke atas taksiran cukai yang telah dihantar kepada HASiL?

Pindaan ke atas taksiran yang telah dilaporkan kepada HASiL masih boleh dibuat. Namun ianya bergantung kepada situasi pindaan. Pembayar cukai boleh menggunakan tiga jenis medium bagi membuat pindaan taksiran cukai iaitu sama ada secara dalam talian, secara manual dengan hadir ke Cawangan HASiL yang berdekatan atau menggunakan Borang Nyata Terpinda.

MEDIUM BAGI PINDAAN TAKSIRAN CUKAI

| Secara Dalam Talian | Ke Cawangan HASIL | Borang Nyata Terpinda |
|--|--|--|
| <ul style="list-style-type: none"> <input type="checkbox"/> Di https://mytax.hasil.gov.my/ <input type="checkbox"/> Hanya untuk penghantaran Borang BE (individu pemastautin yang TIDAK menjalankan perniagaan) dihantar menerusi e-Filing <input type="checkbox"/> Tempoh penghantaran antara 1 Mac 2022 hingga 15 Mei 2022 sahaja | <ul style="list-style-type: none"> <input type="checkbox"/> Hadir ke cawangan yang mengendalikan fail sebelum 1 Mei 2022. <input type="checkbox"/> Dan mengemukakan surat rayuan bersama-sama dokumen dan resit yang berkaitan. | <ul style="list-style-type: none"> <input type="checkbox"/> Bagi pindaan dikemukakan selepas tarikh yang ditetapkan dan dalam tempoh 6 bulan dari tarikh akhir pengemukakan Borang Nyata (BN). <input type="checkbox"/> Dikemukakan ke cawangan sama ada secara serahan tangan atau melalui pos. <input type="checkbox"/> Borang boleh dimuat turun menerusi portal rasmi HASIL di www.hasil.gov.my mulai 1 Mei 2022. |

Walau bagaimanapun, pindaan taksiran cukai yang hanya melibatkan maklumat asas seperti kesilapan nombor akaun bank boleh terus dibuat dengan mengemaskini maklumat tersebut menerusi pautan e-Kemaskini yang boleh dicapai di MyTax. Sebelum e-Filing dihantar, pastikan nombor akaun bank adalah tepat bagi mengelakkan sebarang isu kelewatan terutamanya bagi tujuan bayaran balik (sekiranya ada).

Kaedah pindaan adalah berbeza bagi setiap situasi tersilap lapor di mana sekiranya pembayar cukai **TERLEBIH lapor pendapatan** atau **TERKURANG menuntut pelepasan** dalam Borang BE yang asal, mereka perlu membuat pindaan secara dalam talian menerusi e-Permohonan Pindaan BE yang boleh digunakan mulai 1 April 2022 di <https://mytax.hasil.gov.my>.

Lain pula kaedah pindaan sekiranya pembayar cukai **TERKURANG lapor pendapatan** atau **TERLEBIH menuntut pelepasan** di mana surat rayuan perlu dikemukakan bersama-sama dokumen berkaitan ke Cawangan yang mengendalikan fail sebelum 1 Mei 2022.

Permohonan pindaan sama ada yang dibuat dalam tempoh mahupun di luar tempoh pengemukaan Borang Nyata, kedua-duanya perlu menyediakan dokumen seperti surat rayuan pindaan, salinan Borang Nyata yang telah dihantar dan dokumen sokongan bagi pendapatan yang diterima serta semua pelepasan yang dituntut. Borang Nyata Terpinda ialah dokumen tambahan yang perlu dikemukakan oleh pembayar cukai yang membuat pindaan di luar tempoh pengemukaan Borang Nyata.

Dalam Tempoh Pengemukaan Borang Nyata

- BORANG MANUAL BE:** Sebelum atau pada 30 April 2022
- e-BE** : Sebelum atau pada 15 Mei 2022
- BORANG MANUAL B :** Sebelum atau pada 30 Jun 2022
- e-B** : Sebelum atau pada 15 Julai 2022

Elakkan Kesilapan

Lapor pendapatan dan bayar cukai adalah mudah sekiranya pembayar cukai benar-benar teliti. Walau bagaimanapun, urusan cukai yang mudah ini akan dirasakan sukar apabila kesilapan dilakukan. Beberapa kesilapan yang sering dilakukan antaranya

Pastikan anda elakkan untuk melakukan kesilapan-kesilapan seperti berikut:

- i. Gagal melaporkan pendapatan yang betul.
- ii. Tidak menuntut amaun pelepasan yang dibenarkan.
- iii. Kesilapan yang timbul daripada salah faham undang-undang. Pastikan sebarang pembelian dibuat atas nama pembayar cukai bagi tujuan menuntut pelepasan.

- iv. Terlebih menuntut pelepasan atau derma.

Perubahan Taksiran Cukai Akibat Pindaan

Seseorang yang pada asalnya tidak dikenakan cukai boleh dikenakan cukai akibat daripada pindaan taksiran yang dibuat. Bukan itu sahaja, cukai tambahan mungkin dikenakan ke atas pembayar cukai yang boleh mengakibatkan mereka tidak layak untuk menerima bayaran balik walaupun pada asalnya mereka layak.

Bagi mengelakkan sebarang kesulitan pada masa hadapan, pembayar cukai adalah dinasihatkan untuk menitikberatkan beberapa perkara seperti:

- i. Mengumpul, merekodkan resit-resit perbelanjaan dan seterusnya membuat kiraan manual terlebih dahulu sebelum membuat e-Filing.
- ii. Membuat perbandingan dengan pasangan (bagi yang telah berkahwin) berkaitan pelepasan bersama seperti pelepasan anak.

Adalah penting untuk menuntut pelepasan dengan betul kerana pembayar cukai berisiko untuk diaudit sekiranya maklumat yang diberikan adalah meragukan.

Hanya Sekali Pindaan Dibenarkan

Pembayar cukai yang telah mengemukakan Borang Nyata dalam tempoh ditetapkan dibenarkan untuk membuat pindaan melalui e-Permohonan Pindaan BE atau melalui Borang Nyata Terpinda terhad kepada sekali sahaja. Sekiranya masih terdapat pindaan selepas permohonan pindaan pertama dibuat, surat rayuan dan pindaan perlu dikemukakan ke cawangan. Mudahkan urusan cukai dengan pastikan tiada lagi pindaan kedua selepas pindaan pertama dihantar.

Pembayar cukai adalah dinasihatkan untuk menyemak terlebih dahulu semua maklumat yang dilaporkan dalam Borang Nyata sebelum dihantar kepada HASiL bagi mengelakkan kesilapan. Maklumat lanjut di www.hasil.gov.my.

